

## PROGRAM AMANJAYA GEMILANG UPSR TAHUN 2017



### “MOCK TEST” SET SATU

BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN

011

1 jam 15 minit

Satu jam lima belas minit

---

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Kamu dikehendaki menjawab semua soalan dalam kedua-dua bahagian ini.*
3. *Bagi Bahagian A, setiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan. Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
4. *Bagi Bahagian B, jawab semua soalan dalam ruang jawapan yang disediakan. Ceraikan Bahagian B daripada kertas peperiksaan ini.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 7 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak di Bahagian A dan 7 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak di Bahagian B.

**Bahagian A**  
[20 markah]

**Soalan 1 hingga 9**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling** sesuai.

**Soalan 1** berdasarkan gambar di bawah.



- 1 Pak Karim memikul \_\_\_\_\_ pisang semasa pulang dari kebunnya.  
A semayang  
B sesikat  
C sesisir  
D setandan
- 2 Encik Razali sedang \_\_\_\_\_ oleh wartawan kerana beliau dianugerahkan Tokoh Usahawan Muda peringkat kebangsaan.  
A ditemu duga  
B ditemu ramah  
C disoal siasat  
D disoal selidik
- 3 Cikgu Rahim \_\_\_\_\_ peserta lawatan agar sentiasa menjaga keselamatan diri semasa berada di Kuala Lumpur.  
A mengusik  
B menasihati  
C mengingati  
D menjelaskan

- 4 Hanya \_\_\_\_\_ peserta pertandingan bercerita itu berjaya menyampaikan cerita dengan lancar.
- A segelintir
  - B setengah
  - C seluruh
  - D semua
- 5 Cikgu Nurul Aida mengingatkan murid-muridnya supaya tidak \_\_\_\_\_ semasa berada di dalam bas rombongan itu.
- A hingar-bingar
  - B kelam-kabut
  - C haru-biru
  - D lalu-lalang

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



- 6 Bahagian mata keris yang \_\_\_\_\_ boleh tertusuk pada badan.
- A tirus
  - B lurus
  - C tumpul
  - D bengkok
- 7 Fauziah berasa tidak sabar untuk menerima \_\_\_\_\_ daripada kakaknya yang akan pulang ke tanah air tidak lama lagi.
- A buah hati
  - B buah mulut
  - C buah kalam
  - D buah tangan
- 8 “Langit \_\_\_\_\_ menandakan hujan akan turun pada petang itu,” kata Pak Subri .
- A kuat
  - B cerah
  - C terang
  - D mendung

- 9 Selepas \_\_\_\_\_ Puteri Ayu ke kamarnya untuk didandan oleh ketua dayang.
- A bertitah
  - B bersantap
  - C berangkat
  - D bersiram
- 10 Ayah Amirul telah menunaikan hasratnya untuk menaiki komuter.  
*Pilih perkataan sinonim bagi menunaikan.*
- A memenuhi
  - B mematuhi
  - C mengikuti
  - D menguasai
- 11 Cikgu Siti mahu murid-muridnya memilih kata ganda yang membawa maksud jamak.  
*Pilih perkataan antonim bagi jamak.*
- A dua
  - B sedikit
  - C tunggal
  - D beberapa
- 12 *Pilih simpulan bahasa yang sesuai bagi mengisi tempat kosong.*  
“Mungkin \_\_\_\_\_ apabila dia memberikan hadiah itu kepada kamu,” kata Izuni.
- A nasi sudah menjadi bubur
  - B ada udang di sebalik batu
  - C dapat durian runtuh
  - D ada gula ada semut
- 13 *Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.*
- I Hutangnya kepada Tauke Lim sudah jatuh.
  - II Tok Ngah sudah jatuh usianya.
  - III Buah durian itu jatuh ke tanah.
  - IV Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511.
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV

**14** *Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

“Jangan sekali-kali membantah arahan ibu bapa kamu,” pesan Cikgu Mira Azira kepada murid-muridnya.

- A** Murid-murid Cikgu Mira Azira dilarang membantah arahan ibu bapanya.
- B** Murid-muridnya dinasihati oleh ibu bapa agar tidak ingkar pesanan Cikgu Mira Azira.
- C** Cikgu Mira Azira memarahi murid-muridnya kerana membantah arahan ibu bapa mereka.
- D** Cikgu Mira Azira mengingatkan murid-muridnya supaya patuh arahan ibu bapa mereka.

**Soalan 15 dan 16**

*Pilih ayat yang betul.*

- 15**
- A** Kebahagiaanmu akan berlanjutan ke anak cucu.
  - B** Rakyat Malaysia mesti bersatu padu demi untuk kestabilan negara.
  - C** Mesyuarat itu diadakan bagi membincangkan tentang masalah golongan remaja.
  - D** Wanita itu sanggup bergadai nyawa untuk menyelamatkan anaknya daripada lemas.
- 16**
- I** Murid itu belajar bersungguh-sungguh setelah berjaya dalam peperiksaan.
  - II** Pencuri memasuki rumah itu kendatipun penghuninya sedang nyenyak tidur.
  - III** Bukan Karim sahaja yang pemurah malahan anaknya juga dermawan.
  - IV** Petani itu menanam jagung sementara menanti padi masak.
- A** I dan II
  - B** I dan IV
  - C** II dan III
  - D** III dan IV

**Soalan 17 hingga 20**

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada zaman dahulu, ada seorang putera raja yang bernama Putera Indera. Putera Indera seorang yang berbadan sasa dan gagah. Keistimewaan yang dimiliki itu menyebabkannya semakin sombong dan selalu berbangga akan dirinya.

Ketika Putera Indera berburu di hutan, tiba-tiba Putera Indera ternampak seekor rusa yang berbulu emas. Putera Indera mengejar rusa itu tetapi tidak berjaya. Putera Indera berasa sangat kecewa. Seorang hulubalang yang tangkas dan berani menawarkan diri untuk mengejar rusa berbulu emas itu.

Setelah beberapa jam, hulubalang itu pulang dengan membawa rusa ajaib itu. Putera Indera berasa sakit hati lalu timbullah perasaan dengki dalam sanubarinya. Putera Indera berpura-pura baik dengan hulubalang sebelum mahu membunuhnya.

Pada suatu hari, Putera Indera mengajak hulubalang itu ke hutan dengan alasan untuk memburu. Sebaik sahaja sampai di hutan, tiba-tiba datang seekor harimau lalu menerkam Putera Indera. Kakinya patah dan cacat selamanya. Putera Indera sangat menyesal dan memohon maaf kepada hulubalang kerana niatnya yang jahat itu.

Kita boleh jadikan cerita ini sebagai pengajaran dan teladan yang berguna. Kita mestilah mempunyai hati yang bersih tanpa ada perasaan hasat dengki terhadap rakan-rakan atau orang lain bak kata pepatah Melayu, “berbuat baik akan dibalas baik”.

- 17 Apakah yang menyebabkan Putera Indera berasa bangga?
- A Berbadan sasa dan gagah
  - B Berbadan sasa dan berani
  - C Tangkas dan berani
  - D Tangkas dan gagah
- 18 Mengapakah Putera Indera berasa sakit hati dan dengki?
- A Melihat hulubalangnya berjaya membawa pulang rusa berbulu emas
  - B Hulubalang ternampak seekor rusa yang berbulu emas
  - C Hulubalang menawarkan diri untuk mengejar rusa
  - D Sifat hulubalang yang tangkas dan berani
- 19 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan di atas.
- A Seekor singa telah menerkam Putera Indera.
  - B Rusa berbadan emas berjaya dibunuh.
  - C Putera Indera seorang yang prihatin.
  - D Putera Indera telah cacat selamanya.

- 20 Putera Indera berpura-pura mengajak hulubalang keluar berburu adalah untuk
- A membunuh hulubalang.
  - B menjadi teman ketika di hutan.
  - C menguji kehebatan hulubalangnya.
  - D membawa kelengkapan perburuan.

**BAHAGIAN A TAMAT**

SULIT

PROGRAM AMANJAYA GEMILANG UPSR  
TAHUN 2017

Perak EXcellent



“MOCK TEST”  
SET SATU

BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN

011

Bahagian B

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI  
SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan atau nombor sijil kelahiran dan angka giliran kamu pada petak yang disediakan.
2. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.
3. Serahkan **Bahagian B** ini bersama-sama borang jawapan **objektif** kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Kod Pemeriksa:		
Nombor Soalan		Markah
21	(a)	
	(b)	
	(c)	
22		
23	(a)	
	(b)	
	(c)	
24	(a)	
	(b)	
	(c)	
25	(a)	
	(b)	
	(c)	
	(d)	
Jumlah		30

Kertas peperiksaan ini mengandungi 7 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.



**Bahagian B**  
[30 markah]

**Soalan 21**


(a) Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat di bawah.

lalu-lalang	lintang-pukang	bolak-balik
terang-benderang	gegak-gempita	

- (i) Kanak-kanak itu berlari \_\_\_\_\_ apabila dikejar oleh seekor anjing liar.
- (ii) Suasana di Stadium Perak \_\_\_\_\_ apabila pemain itu berjaya menjaringkan gol.

[2 markah]

(b) Padankan perkataan yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

(i) Kehebatan Amar mengawal dan _____ bola persis legenda bola sepak negara, Mokhtar Dahari.		membolosi
(ii) Ruben _____ piala yang dimenangi pasukannya dalam pertandingan bola sepak itu.		mengelecek
(iii) Sepakan kencang Amri Yahaya berjaya _____ gawang gol pasukan Indonesia.		menjulangi
(iv) Kempen itu telah _____ kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya menjaga alam sekitar.		menimbulkan

[2 markah]

(c) Garis jawapan yang paling sesuai bagi ayat di bawah.

- (i) Muhammad Imran membantu ayahnya (menebang, mencantas, menetak) ranting pokok bunga di halaman rumah mereka.
- (ii) Nenek (menyangai, membakar, melayur) daun pisang sebelum digunakan untuk membungkus kuih koci.

[2 markah]

**Soalan 22**

*Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah.*

akan	tetapi	dengan	hadapan
pada	tentang	terhadap	pasangan
yang	keluarga	kepada	

14, Jalan Anggerik,  
Taman Desa,  
93350 Kuching,  
Sarawak.  
16 Mac 2017

Apa khabar saudara sekarang? Semoga saudara sekeluarga sihat sejahtera.

Saya menulis surat ini adalah untuk bercerita \_\_\_\_\_ upacara minum teh yang dilakukan semasa majlis perkahwinan sepupu saya. Upacara ini merupakan lambang penerimaan pasangan pengantin. Selain itu, upacara ini mengeratkan hubungan kekeluargaan \_\_\_\_\_ ikatan perkahwinan.

Menurut nenda saya, upacara minum teh dalam masyarakat Cina ini dilaksanakan dengan cara tersendiri. Pasangan pengantin akan berdiri dan melutut sebanyak tiga kali di \_\_\_\_\_ ibu bapa pasangan secara bergilir-gilir. Pengantin perempuan \_\_\_\_\_ memberikan minuman teh \_\_\_\_\_ ahli keluarga mengikut peringkat umur.

Setakat ini sahaja coretan saya.

Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,

*Yu Jia*

[5 markah]

**Soalan 23**

Baca jadual di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya menggunakan ayat yang lengkap.

**JADUAL PERTANDINGAN KARNIVAL BAHASA MELAYU  
PERINGKAT ZON TAIPING  
7 Mac 2017 (Selasa )**

<b>Tentatif Program</b>	
8:00 pagi	: Pendaftaran peserta di kaunter pendaftaran
8:30 pagi	: Taklimat hakim
10:00 pagi	: Pertandingan Bicara Berirama
12:00 tengah hari	: Pertandingan Bercerita
2:30 petang	: Penyampaian hadiah dan majlis penutup

Nota:

1. Peserta mestilah terdiri daripada murid-murid sekolah zon Taiping.
2. Setiap peserta perlu mematuhi syarat-syarat pertandingan yang telah ditetapkan untuk mengelakkan daripada penyertaan dibatalkan.

(a) Nyatakan pertandingan yang akan dijalankan sebelum pertandingan bercerita.

---



---

[2 markah]

(b) Setiap sekolah yang menyertai pertandingan perlu mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan supaya \_\_\_\_\_

---

[1 markah]

(c) Pada pendapat kamu, apakah kebaikan yang akan diperolehi para peserta yang menyertai pertandingan bercerita?

---



---



---

[3 markah]

**Soalan 24**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Syahmi leka membaca keratan akhbar yang memaparkan kejayaan Datuk Lee Chong Wei merangkul pingat perak dalam Sukan Olimpik yang baru berakhir. Syahmi amat kagum akan kehebatan Datuk Lee Chong Wei mengharumkan nama negara dalam sukan badminton.

Setelah menghabiskan bacaannya, Syahmi mengambil bulu tangkis dan raket badmintonnya. Dia pergi ke gelanggang badminton di kawasan perumahannya. Dia telah berjanji dengan Ranjit untuk bermain badminton bersama-sama. Syahmi dan Ranjit telah terpilih untuk mewakili sekolah dalam perlawanan badminton peringkat daerah. Oleh sebab itu, mereka berdua menjalani latihan dengan giatnya. Mereka berdua juga bercita-cita untuk menjadi pemain badminton yang terkenal. Mereka ingin mengikut jejak langkah Datuk Lee Chong Wei yang telah menaikkan imej negara pada pandangan mata masyarakat luar. Untuk mengikut jejak langkah Datuk Lee Chong Wei bukannya suatu perkara yang mudah. Namun begitu, Syahmi dan Ranjit yakin bahawa dengan kesesungguhan dan disiplin yang tinggi, tidak mustahil untuk mereka mencapai kejayaan dalam sukan badminton.


(a) Apakah cita-cita Syahmi dalam permainan badminton?

---

---

[2 markah]

(b) Padankan pernyataan di bawah ini berdasarkan petikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

Syahmi amat kagum akan kehebatan Datuk Lee Chong Wei dalam sukan badminton.			
Ranjit membaca keratan akhbar tentang kejayaan Datuk Lee Chong Wei sebelum bermain badminton.			
Syahmi dan Ranjit telah terpilih untuk mewakili sekolah dalam perlawanan badminton peringkat daerah.			
	<table border="1"><tbody><tr><td><b>Betul</b></td></tr><tr><td><b>Salah</b></td></tr></tbody></table>	<b>Betul</b>	<b>Salah</b>
<b>Betul</b>			
<b>Salah</b>			

[2 markah]

(c) Pada pendapat kamu, apakah keistimewaan menjadi pemain badminton yang terkenal?

---

---

---

[3 markah]

**Soalan 25**

Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya menggunakan ayat yang lengkap.

Ketika kaki ini mengorak langkah  
ke gedung ilmu  
Tangan ayah dan ibu  
kukucup pohon restu

Ketika menaiki bas  
Beratur aku tidak terlepas  
Kuamati waspada langkah  
Agar tidak sumbang tingkah

Ketika bas membelah jalan  
Etika berhemah aku biasakan  
Aku patuhi nasihat ayah dan ibu  
Jangan berlari, tatapilah buku  
Di tangga aku tidak berdiri  
Di tingkap aku tidak jengahi

Ketika gedung ilmu kulihat  
Dengan sabar dan tenang  
Roda bas kutunggu berhenti  
Tidak kumahu mengundang tragedi

Ketika kaki ini menjejak ke gedung ilmu  
Tangan kuangkat tanda kesyukuran  
Aku selamat dalam perjalanan

(a) Perkataan *gedung ilmu* dalam puisi membawa maksud \_\_\_\_\_

[1 markah]

(b) Tandakan ( ✓ ) bagi pernyataan yang betul dan ( ✗ ) bagi pernyataan yang salah berdasarkan puisi tersebut.

Murid-murid berlari ketika berada di dalam bas.

Tingkah laku harus dijaga walau di mana-mana sahaja kita berada.

[1 markah]

(c) Ketika berada di dalam bas, kita tidak boleh \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ [1 markah]

(d) Pada pendapat kamu, apakah yang harus kita lakukan untuk menjaga keselamatan diri ketika berada di dalam bas?

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ [3 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

SULIT

NO. KAD PENGENALAN / NO. SIJIL KELAHIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

## PROGRAM AMANJAYA GEMILANG UPSR TAHUN 2017

**Perak**Excellent



### “MOCK TEST” SET SATU

012

1¼ jam

Satu jam lima belas minit

---

---

#### JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis nombor kad pengenalan atau nombor sijil kelahiran dan angka giliran kamu pada petak yang disediakan.*
2. *Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.*
3. *Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian.*
4. *Bagi Bahagian C, kamu boleh memilih sama ada menjawab Soalan 1 atau Soalan 2.*
5. *Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini. Sekiranya ruang yang disediakan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas peperiksaan.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Kod Pemeriksa:		
Bahagian	No. Soalan	Markah
A		10
B		15
C		25
Jumlah		50

---


Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

**Bahagian A**  
[10 markah]  
[Masa dicadangkan: 15 minit]


Gambar di bawah menunjukkan cara-cara untuk menjadi murid cemerlang.

Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang amalan dan cara-cara tersebut.

Tulis **satu** ayat yang lengkap bagi setiap gambar.



**CARA-CARA UNTUK  
MENJADI MURID  
CEMERLANG**







**Bahagian B**

[15 markah]

[Masa dicadangkan: 25 minit]

Graf menunjukkan bilangan penyertaan pertandingan mengarang sempena sambutan Bulan Bahasa 2017 peringkat Daerah Larut Matang dan Selama.

Tulis ulasan tentang pertandingan tersebut dalam bentuk perenggan berdasarkan kedua-dua maklumat yang disediakan.


Panjang ulasan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

## PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH HILIR PERAK (TELUK INTAN)

### PERTANDINGAN MENGARANG SEMPENA BULAN BAHASA 2017

Anjuran : Unit Bahasa Melayu, PPD Hilir Perak  
 Penyertaan : Terbuka kepada Murid Tahap Dua  
 Tema : Guru Pembina Negara Bangsa  
 Tarikh tutup : 27 April 2017 (Khamis)

(Bilangan)



Hasil karangan hendaklah dihantar kepada Cikgu Norliza binti Redzuan  
 Jumlah perkataan hendaklah antara 250 hingga 350 patah perkataan

### HADIAH LUMAYAN MENANTI ANDA!

**Pertama**



**Kedua**



**Ketiga**



**10 Sagu Hati**



Anda boleh dapatkan borang penyertaan daripada guru kelas masing-masing.



**Bahagian C**  
[25 markah]  
[Masa dicadangkan: 35 minit]

*Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab satu soalan sahaja*

*Panjang karangan kamu hendaklah antara 80 hingga 120 patah perkataan.*

**Soalan 1**

**PANTUN ADAT**

Pasar minggu jualan terbuka,  
Ramai pengunjung tua muda;  
Memilih barang terlalu leka,  
Tawar menawar bergurau senda.

Pulut lemag ketupat palas,  
Ikan haruan si ikan keli;  
Barang dagang harganya jelas,  
Jadi tumpuan para pembeli.

Ikan haruan si ikan keli,  
Masak lemak gulai kari;  
Jadi tumpuan para pembeli,  
Perniagaan laris setiap hari.

Tiga rangkap pantun di atas menggambarkan suasana di sebuah pasar minggu.

Berdasarkan pantun tersebut, tulis karangan tentang pengalaman kamu mengunjungi pasar minggu di tempat tinggal kamu itu.

**ATAU**

**Soalan 2**

Persatuan kamu telah mengadakan lawatan sambil belajar ke suatu tempat yang menarik. Selaku setiausaha persatuan, kamu diminta menyediakan laporan tentang lawatan tersebut.

Tulis laporan kamu itu selengkapnya.




**“MOCK TEST” SATU (PEMAHAMAN)**

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
<b>D</b>	<b>B</b>	<b>B</b>	<b>A</b>	<b>A</b>	<b>A</b>	<b>D</b>	<b>D</b>	<b>D</b>	<b>A</b>
11	12	13	14	15	16	17	18	19	20
<b>C</b>	<b>B</b>	<b>C</b>	<b>D</b>	<b>D</b>	<b>D</b>	<b>A</b>	<b>A</b>	<b>D</b>	<b>A</b>

21(a) (i) *lintang-pukang* (ii) *gegak-gempita*

21(b) (ii) *menjulang* (iii) *membolosi* (iv) *menimbulkan*

21(c) (i) *mencantas* (ii) *melayur*

22 

<i>tentang</i>	<i>dengan</i>	<i>hadapan</i>	<i>akan</i>	<i>kepada</i>
----------------	---------------	----------------	-------------	---------------

23(a) *Pertandingan yang akan dijalankan sebelum pertandingan bercerita ialah pertandingan Bicara Berirama.*

23(b) *mengelakkan daripada penyertaan dibatalkan.*

23(c) *Pada pendapat saya, kebaikan yang diperolehi peserta semasa menyertai pertandingan bercerita, mereka dapat mengasah bakat, bersikap berani dan berkeyakinan.*

*\* (Mana-mana jawapan yang sesuai boleh diterima).*

24(a) *Cita-cita Syahmi dalam permainan badminton adalah untuk menjadi seorang pemain badminton yang terkenal.*

24(b) 

<i>Betul</i>	<i>Betul</i>
--------------	--------------

24(c) *Pada pendapat saya, keistimewaan menjadi pemain badminton yang terkenal, kita akan dapat mengharumkan nama negara, menjana pendapat serta menjadi idola kepada generasi akan datang.*

25(a) *sekolah*

25(b) 

<i>✓</i>	<i>X</i>
----------	----------

25(c) *berdiri di tangga*

25(d) *Pada pendapat saya, bagi menjaga keselamatan diri ketika berada di dalam bas, kita mestilah beratur ketika hendak menaiki bas dan jangan berdiri di tangga bas.*

*\* (Mana-mana jawapan yang sesuai boleh diterima).*

**SKEMA JAWAPAN BM PENULISAN (0120  
MOCK TEST 1 - TAHUN 2017**

**Bahagian A**

1. memberi tumpuan sepenuhnya ketika guru mengajar – mudah faham
2. bergiat aktif dalam bidang sukan – badan cergas, minda cerdas
3. berbincang / bertanya kepada rakan – menyelesaikan masalah dalam pelajaran
4. membuat rujukan tambahan di pusat sumber sekolah – mengukuhkan kefahaman
5. mengulang kaji pelajaran / mengisi masa lapang dengan membaca – meluaskan pengetahuan serta dapat menambahkan kosa kata

**Bahagian B**

**Pendahuluan:**

Tarikh pertandingan mengarang diadakan - anjuran Unit Bahasa Melayu PPD Hilir Perak

**Idea-idea cadangan:**

Bil	Idea Tersurat (Tiru)	Idea Tersirat (Cipta)
1.	Terbuka kepada murid Tahap II	Mengukuhkan kemahiran mengarang di samping mencungkit bakat murid
2.	Tema – Bahasa Jiwa Bangsa	Bahasa dapat menyatukan rakyat yang berbilang kaum / budaya / agama
3.	Penyertaan terbanyak – murid Tahun 6	Murid tahun 6 lebih mahir mengarang berbanding dengan murid tahun 4 dan 5
4.	Hadiah: komputer riba, basikal, Kamus Dewan, majalah.	Hadiah lumayan, sebagai galakan / daya penarik untuk murid menyertainya

**Penutup:**

Program seperti ini harus diteruskan demi meningkatkan kemahiran mengarang dalam kalangan murid, sekali gus dapat meningkatkan pencapaian / prestasi murid dalam subjek Bahasa Melayu Penulisan UPSR.

\* *CATATAN: Idea-idea tersirat yang lain boleh diterima.*



## Bahagian C

### Soalan 1

**Pendahuluan:**

- menceritakan bila dan di mana pasar minggu itu diadakan
- dikenali sebagai Pekan Sabtu / Pasar Minggu / Gerbang Malam dan sebagainya

**Idea-idea Cadangan:**

- pengunjug yang hadir – ramai – membaziri tapak pasar tersebut
- suasana di pasar minggu – riuh-rendah dengan suara pembeli dan penjual
- pelbagai jenis barangan yang dijual – mudah mendapat barang yang diperlukan
- harga barangan berpatutan – tempat pertemuan penduduk setempat

**Penutup:**

- pulang – gembira kerana dapat membeli barangan yang diinginkan
- akan datang lagi pada minggu hadapan

\* **CATATAN:** *Idea-idea lain yang berkaitan boleh diterima.*

### Soalan 2

**Pendahuluan:**

- tarikh, tempat lawatan, dan nama persatuan yang menganjurkan

**Idea-idea Cadangan:**

- tujuan lawatan sambil belajar
- ketua rombongan, peserta lawatan, kenderaan dinaiki
- tempat yang dikunjungi dan suasana di tempat tersebut
- pengalaman / aktiviti di lokasi yang dikunjungi

**Penutup:**

- pulang ke rumah, walaupun penat tetapi gembira

\* **CATATAN:** *Idea-idea lain yang berkaitan boleh diterima.*